

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH AWANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Puan Rubiah Awang [Kota Samarahan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- (a) adakah peruntukan perundangan gangguan seksual berkesan pada masa ini; dan
- (b) adakah Kementerian akan mengkaji semula perundangan sedia ada bagi memperluas perlindungan kepada golongan wanita daripada gangguan seksual di luar tempat kerja atau di tempat awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia masih tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang dalam negara yang boleh diguna pakai bagi membantu mangsa gangguan seksual.

Peruntukan undang-undang gangguan seksual ini diperuntukkan Kanun Keseksaan [Akta 574] di bawah seksyen berikut:

- a) Seksyen 354 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan);
- b) Seksyen 355 (Kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak

menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah);

c) Seksyen 377D (Kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian); dan

d) Seksyen 509 (Kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang, sama ada dengan perkataan atau isyarat)

Selain daripada peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, Kementerian Sumber Manusia juga telah melancarkan Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja bagi sektor swasta pada tahun 1999. Kod Amalan ini merupakan satu garis panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh majikan bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja. Kod amalan ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Bagi mengukuhkan lagi usaha menangani kes gangguan seksual, Akta Kerja 1955 [Akta 265] telah dipinda oleh Kementerian Sumber Manusia pada 1 April 2012 melalui P.U.(B) 85/2012 yang mana pindaan telah menambah peruntukan khas berkaitan gangguan seksual yang terdapat

dalam Bahagian XVA, seksyen 81A sehingga seksyen 81G. Pindaan ini menekankan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja boleh mengambil tindakan kepada mana-mana majikan yang gagal menjalankan siasatan melibatkan kes gangguan seksual di tempat kerja yang diajukan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani kes gangguan seksual di sektor awam pula, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2005, mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan pada 26 Ogos 2005. Pelaksanaan garis panduan ini bertujuan mendidik, memberi kefahaman dan juga sebagai tindakan pencegahan bagi mengelakkan perbuatan salah laku yang boleh dikategorikan sebagai gangguan seksual.

Buat masa ini, Kementerian telah mengadakan sesi konsultasi dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sedang dalam proses untuk mengkaji keperluan mewujudkan undang-undang khusus berkaitan gangguan seksual merangkumi gangguan seksual di tempat kerja dan di tempat awam.